

**SOALAN NO. 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah peruntukan kepada badan-badan NGO mahupun badan-badan Kerajaan yang membantu golongan OKU di kawasan Parlimen Kuching serta Parlimen Stampin. Senaraikan secara terperinci badan-badan tersebut, jumlah peruntukan, jumlah penempatan OKU jika ada semenjak tahun 2010.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM,**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,**  
**KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) yang memberikan perkhidmatan penjagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar JKM iaitu Warga Emas, Orang Kurang Upaya (OKU) dan Kanak-Kanak.

Tujuan pemberian bantuan ini adalah untuk menampung sebahagian kos yang ditanggung oleh PSK dalam menyediakan perkhidmatan kepada kumpulan sasar JKM. Bantuan ini adalah berbentuk Geran Rangsum (makan minum), Geran Pentadbiran, Elaun Khas Murid OKU, Geran Perkapita dan Geran Pembaikan.

Pada tahun 2010 hingga 2016, sebanyak 17 buah PSK yang membantu golongan OKU di kawasan Parlimen Kuching dan Stampin

telah menerima Bantuan Kewangan daripada Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah **RM1,965,700.00**. Peruntukan ini telah diagihkan kepada :

- 1) Majlis Kebajikan Sosial Sarawak (CBR Class)
- 2) *Sarawak Society for The Deaf*
- 3) Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Cawangan Sarawak
- 4) Pertubuhan Orang Cacat Sarawak (POCS)
- 5) Persatuan Sukan & Rekreasi Orang Kurang Upaya Negeri Sarawak (PESRON)
- 6) Persatuan bagi Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Sarawak (PERKATA)
- 7) Persatuan Orang Buta Sarawak
- 8) Persatuan Paliatif Kuching
- 9) *Kuching Spinal Injury Association*
- 10) *Sarawak Cheshire Home*
- 11) Persatuan Disleksia Sarawak
- 12) Pertubuhan Bagi Ibumama Kanak-kanak
- 13) Keperluan Istimewa Sarawak (PIBAKAT)
- 14) Persatuan Orang Cacat Bumiputera Sarawak (POCBUS)

15) Pusat Pemulihan Samarahan

16) Bengkel Seri Sarawak

17) Persatuan Cerebral Palsy Bahagian Kuching dan Samarahan

(WISHESLAND)

Dalam tempoh yang sama, sebanyak **10** buah PSK pula telah

menerima Bantuan Kewangan Persekutuan berjumlah

**RM4,498,319.00.** Peruntukan ini telah diagihkan kepada :

1) Sarawak Chesire Home

2) Sarawak Society for The Deaf

3) Sarawak Society For The Blind

4) Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia Kuching

5) Persatuan Orang-Orang Pekak Sarawak (Pusat Harian)

6) Persatuan bagi Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Sarawak

(PERKATA)

7) Persatuan Disleksia Sarawak

8) Persatuan Cerebral Palsy

9) Majlis Kebajikan Sosial Sarawak

Bilangan OKU yang mendapat manfaat daripada Bantuan Kewangan Kerajaan kepada PSK dari tahun 2010 hingga 2016 adalah berjumlah **2,249** orang iaitu pada tahun 2010 seramai 282 orang, tahun 2011 seramai 460 orang, tahun 2012 seramai 471 orang, tahun 2013 seramai 260 orang, tahun 2014 seramai 272, tahun 2015 seramai 217 orang dan tahun 2016 seramai 287.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui JKM juga turut memberi Bantuan Kewangan kepada Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Program PDK adalah satu strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU. PDK dilaksanakan melalui usaha bersepadu OKU, keluarga, komuniti dan perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial yang bersesuaian. Program ini dikendalikan di seluruh negara dengan penglibatan aktif komuniti sama ada di pusat PDK atau di rumah.

Pada tahun 2010 hingga 2016, sebanyak **16** buah PDK di kawasan Parlimen Kuching telah menerima Bantuan Kewangan daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah **RM21,030,027.00**. Peruntukan ini telah diagihkan kepada :

- 1) PDK Wawasan Harapan Kpg Buntal
- 2) PDK Pibakat 1
- 3) PDK Petra Jaya
- 4) PDK 1 Divisyen Kem Penrissen
- 5) PDK Bau
- 6) PDK Bestari Siburan
- 7) PDK Sinar Harapan Kpg Duyoh
- 8) PDK Mambong
- 9) PDK Cahaya Kasih Serasot
- 10) PDK Pakma Gading Lundu
- 11) PDK Siniawan
- 12) PDK Pibakat 2
- 13) PDK Gita Matang
- 14) PDK Singai
- 15) PDK Sinar 1 Malaysia
- 16) PDK Satok